



ALEXANDER Nanta (dua dari kanan) bersama Dr Ronald (tengah) beramai-ramai dengan pemain industri, semalam.

CHARGA PENUHFUP MULUT RM2

Naik 150 peratus berbanding 80 sen susulan kekurangan bahan memproses

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Putrajaya

“katanya selepas menghadiri Perbincangan Bersama Sektor Peruncitan Berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Zainal Azman Abu Seman dan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Seramai 12 pemain industri sektor peruncitan keper-

Keraian menetapkan harga siling balgi penutup mulut dan hidung dinaikkan kepada RM2 berbanding 80 sen sebelum ini susulan kekurangan bahan memproses serta berlaku kenaikan harga pada bahan asas itu. Perkara itu dimaklumkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk

“Pada masa sama aktiviti mengeksport penutup mulut dan hidung juga dihentikan bagi mengelak bahan pembuatan berkurangan.

“Dengan langkah ini juga orang ramai boleh mendapatkan penutup mulut dan hidung dalam masa terde-

lam.

Menurutnya, pihak kerajaan turut membimbing import penutup mulut dan hidang bagi memastikan bekalan di negara ini mencukupi berkuat kuasa kelmarin.

“Pada masa sama aktiviti mengeksport penutup mulut dan hidung juga dihentikan bagi mengelak bahan pembuatan berkurangan.

ORANG ramai memakai penutup mulut dan hidung susulan penularan Covid-19.

3

luan harian hadir dalam perbincangan yang diadakan selama kira-kira dua jam.

Pada perbincangan itu pemain industri disaran meningkatkan amalan penjagaan kesihatan di pasar raya dan kemudahan troli pengguna bagi mengelak wabak Covid-19.

Alexander berkata, KPDNHEP memberi jaminan bekalan makanan mencukupi susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)-bagi menangani wabak Covid-19.

Beliau turut mengingatkan pengusaha jualan sentiasa memastikan bekalan mencukupi di pasaran dan maklumkan kepada menterian sekiranya tidak mencukupi.

"KPDNHEP akan sentiasa mengadakan pemantauan melalui 2,500 penguatkuasa agar bekalan sentiasa mencukupi dan tidak berlaku aktiviti menaik harga sesuka hati dari kalangan penjual sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan," katanya.

Sementara itu, Dr Ronald berkata, bekalan makanan bagi kumpulan makanan utama termasuk beras, daging, ikan, ayam, sayur-sayuran dan buah-buahan berada pada tahap stabil dan mencukupi.

Beliau turut menafikan peniaga menaikkan harga telur yang dijual RM1 sebijji, sebaliknya masih pada harga lama iaitu 29 hingga 31 sen sebijji.

Katanya, pihaknya akan bekerjasama dengan KPDNHEP bagi memantau harga barang di pasaran agar peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga sepanjang PKP dilaksanakan.

Harga penutup mulut RM2



ORANG ramai memakai penutup mulut dan hidung susulan penularan Covid-19. FOTO BERNAMA

Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

KERAJAAN menetapkan harga siling bagi penutup mulut dan hidung dinaikkan kepada RM2 berbanding 80 sen sebelum ini susulan kekurangan bahan memproses serta berlaku kenaikan harga pada bahan asas itu.

Perkara itu dimaklumkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Alexander Nanta Linggi semalam.

Menurutnya, pihak kementerian turut membenarkan import penutup mulut dan hidung bagi memastikan bekalan di negara ini mencukupi berkuat kuasa kelmarin.

"Pada masa sama aktiviti mengeksport penutup mulut dan hidung juga dihentikan bagi mengelak bahan pembuatan berkurangan.

"Dengan langkah ini juga orang ramai boleh mendapatkan penutup mulut dan hidung dalam masa terdekat," katanya selepas menghadiri Perbincangan Bersama Sektor Peruncitan Berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan di Putrajaya, semalam.

Turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Zainal Azman Abu Seman dan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Seramai 12 pemain industri sektor peruncitan keperluan harian hadir dalam perbincangan yang diadakan selama kira-kira dua jam.

Pada perbincangan itu pemain industri disaran meningkatkan amalan penjagaan kesihatan di pasar raya dan kemudahan troli pengguna bagi mengelak wabak Covid-19.

Alexander berkata, KPDNHEP memberi jaminan bekalan makanan mencukupi susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menangani wabak Covid-19.



ALEXANDER Nanta (dua dari kanan) bersama Dr Ronald (tengah) beramah mesra dengan pemain industri, semalam. FOTO BERNAMA

Beliau turut mengingatkan pengusaha jualan sentiasa memastikan bekalan mencukupi di pasaran dan memaklumkan kepada kementerian sekiranya tidak mencukupi.

"KPDNHEP akan sentiasa mengadakan pemantauan melalui 2,500 penguatkuasa agar bekalan sentiasa mencukupi dan tidak berlaku aktiviti menaikkan harga sesuka hati dari kalangan penjual sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan," katanya.

Sementara itu, Dr Ronald berkata, bekalan makanan bagi kumpulan makanan utama termasuk beras, daging, ikan, ayam, sayur-sayuran dan buah-buahan berada pada tahap stabil dan mencukupi.

Beliau turut menafikan peniaga menaikkan harga telur yang dijual RM1 sebiji, sebaliknya masih pada harga lama iaitu 29 hingga 31 sen sebiji.

Katanya, pihaknya akan bekerjasama dengan KPDNHEP bagi memantau harga barang di pasaran agar peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga sepanjang PKP dilaksanakan.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/556757/harga-penutup-mulut-rm2>

Artikel ini disiarkan pada : Sabtu, 21 Mac 2020 @ 7:20 AM

